

P.U. (A) 31.

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(MANFAAT DILINDUNGI) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) dan seksyen 209 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Manfaat Dilindungi) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah telah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2010.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “orang yang berkelayakan” ertinya—

- (a) seorang individu sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];
- (b) suatu badan yang diperbadankan, ditubuhkan, didirikan, dibentuk, didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di bawah undang-undang Malaysia;
- (c) Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri; atau
- (d) pihak berkuasa tempatan; atau
- (e) kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi, supranasional atau organisasi antarabangsa di Malaysia.

Manfaat dilindungi di bawah sijil takaful perpaduan keluarga atau polisi insurans hayat

3. (1) Tertakluk kepada Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Had Manfaat Dilindungi) 2011 [*P.U. (A) 27*], Perbadanan hendaklah melindungi jenis manfaat takaful atau insurans di bawah sijil takaful perpaduan keluarga atau polisi insurans hayat, termasuk sijil dan polisi anuiti dan yang berkaitan dengan pelaburan, yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Seseorang pemunya sijil atau polisi boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan mana-mana manfaat takaful atau insurans yang dinyatakan dalam Jadual Pertama jika—

- (a) sijil atau polisi itu dikeluarkan di Malaysia oleh anggota penanggung insurans;
- (b) alamat pemunya sijil atau polisi itu adalah atau pernah menjadi suatu alamat di Malaysia; dan
- (c) sijil atau polisi itu dalam Ringgit.

(3) Bagi mengelakkan keraguan—

- (a) suatu sijil atau polisi yang berkaitan dengan pelaburan merujuk kepada suatu kontrak takaful atau insurans terhadap nyawa manusia atau anuiti apabila manfaatnya adalah, keseluruhannya atau sebahagiannya, diputuskan dengan merujuk kepada nilai atau pendapatan daripada apa-apa perihal harta atau dengan merujuk kepada perubahan dalam, atau dalam suatu indeks, nilai apa-apa perihal harta; dan
- (b) bahagian pelaburan suatu sijil takaful perpaduan keluarga atau polisi insurans hayat yang berkaitan dengan pelaburan adalah dikeluarkan daripada sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.

Manfaat dilindungi di bawah sijil takaful am atau polisi insurans am

4. (1) Jenis manfaat takaful atau insurans di bawah sijil takaful am atau polisi insurans am yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua adalah dilindungi oleh Perbadanan setakat had yang dinyatakan dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Had Manfaat Dilindungi) 2011, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua.

(2) Seorang pemunya sijil atau polisi boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan mana-mana manfaat takaful atau insurans yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua jika pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan—

- (a) sijil atau polisi itu dikeluarkan di Malaysia oleh suatu anggota penanggung insurans; dan
- (b) sijil atau polisi itu dalam Ringgit.

(3) Dalam hal harta tak alih, seorang pemunya sijil atau polisi boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan mana-mana manfaat takaful atau insurans yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua jika harta tak alih itu terletak di Malaysia.

(4) Dalam hal harta alih (kecuali suatu kenderaan bermotor, kapal atau pesawat udara), seorang pemunya sijil atau polisi yang bukan seorang warganegara Malaysia atau orang yang berkeelayakan pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan manfaat takaful atau insurans yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua jika risiko kejadian berlaku di Malaysia.

(5) Seorang pemunya sijil atau polisi boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan manfaat takaful atau insurans yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang berkaitan dengan tanggung rugi terhadap suatu kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga menurut suatu sijil atau polisi tanggungan awam atau tanggungan produk jika—

- (a) pemunya sijil atau polisi itu adalah seorang warganegara Malaysia atau seorang yang berkeelayakan, pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan; dan
- (b) risiko kejadian berlaku di Malaysia.

(6) Dalam hal suatu kenderaan bermotor yang tidak didaftarkan di Malaysia di bawah Bahagian II Akta Pengangkutan Jalan 1967 [*Akta 333*] pada masa sijil atau polisi dikeluarkan, seorang pemunya sijil atau polisi boleh—

- (a) menuntut perlindungan berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan pada kenderaan bermotor yang dilindungi; atau
- (b) menuntut perlindungan berkenaan dengan tanggung rugi terhadap kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga,

jika risiko kejadian berlaku di Malaysia.

(7) Pemunya sijil atau polisi hendaklah seorang warganegara Malaysia atau orang yang berkeelayakan pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan untuk menuntut perlindungan berkenaan dengan manfaat takaful atau insurans berikut yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua:

- (a) kematian dan manfaat berkaitan;
- (b) ketidakupayaan tetap;
- (c) penyakit kritikal;
- (d) pendapatan ketidakupayaan;
- (e) perbelanjaan perubatan;
- (f) sumbangan atau premium prabayar boleh dibayar balik;
- (g) kehilangan atau kerosakan pada suatu kapal atau pesawat udara;
- (h) kematian seorang pihak ketiga;
- (i) ketidakupayaan kekal seorang pihak ketiga;
- (j) penyakit atau luka seorang pihak ketiga;
- (k) pendapatan ketidakupayaan seorang pihak ketiga;

- (l) perbelanjaan perubatan seorang pihak ketiga; atau
- (m) kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga yang boleh ditanggung rugi menurut suatu sijil atau polisi kapal atau pesawat udara.

(8) Syarat dalam subperaturan (7) tidak terpakai kepada perlindungan berkenaan dengan manfaat kematian seorang pihak ketiga, ketidakupayaan kekal seorang pihak ketiga, penyakit atau luka seorang pihak ketiga dan perbelanjaan perubatan seorang pihak ketiga yang boleh ditanggung rugi menurut suatu sijil atau polisi kenderaan bermotor.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

Jenis Manfaat Takaful atau Insurans

1. Kematian dan manfaat berkaitan
2. Ketidakupayaan tetap
3. Penyakit kritikal
4. Nilai matang (tidak termasuk bahagian unit sijil atau polisi yang berkaitan dengan pelaburan)
5. Nilai serahan
6. Dividen tunai terkumpul
7. Pendapatan ketidakupayaan
8. Pendapatan anuiti
9. Perbelanjaan perubatan
10. Sumbangan atau premium prabayar boleh dibayar balik

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4]

<i>Jenis Manfaat Takaful atau Insurans</i>	<i>Syarat</i>
(1)	(2)
Kehilangan atau kerosakan pada harta tak alih	subperaturan (2) dan (3)
Kehilangan atau kerosakan pada harta alih (kecuali suatu kenderaan bermotor, kapal atau pesawat udara)	subperaturan (2) dan (4)

<i>Jenis Manfaat Takaful atau Insurans</i> (1)	<i>Syarat</i> (2)
Kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga yang boleh ditanggung rugi menurut suatu sijil atau polisi tanggungan awam atau tanggungan produk	subperaturan (2) dan (5)
Kehilangan atau kerosakan pada suatu kenderaan bermotor	subperaturan (2) dan (6)
Kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga yang boleh ditanggung rugi menurut suatu sijil atau polisi kenderaan bermotor	subperaturan (2) dan (6)
Kehilangan atau kerosakan pada suatu kapal atau pesawat udara	subperaturan (2) dan perenggan (7)(g)
Kehilangan atau kerosakan pada suatu harta pihak ketiga yang boleh ditanggung rugi menurut suatu sijil atau polisi kapal atau pesawat udara	subperaturan (2) dan perenggan (7)(m)
Kematian dan manfaat berkaitan	subperaturan (2) dan perenggan (7)(a)
Ketidakupayaan tetap	subperaturan (2) dan perenggan (7)(b)
Penyakit kritikal	subperaturan (2) dan perenggan (7)(c)
Pendapatan ketidakupayaan	subperaturan (2) dan perenggan (7)(d)
Perbelanjaan perubatan	subperaturan (2) dan perenggan (7)(e)
Sumbangan atau premium prabayar boleh dibayar balik	subperaturan (2) dan perenggan (7)(f)
Kematian seorang pihak ketiga	subperaturan (2) dan (8) dan perenggan (7)(h)
Ketidakupayaan tetap seorang pihak ketiga	subperaturan (2) dan (8) dan perenggan (7)(i)
Penyakit atau luka seorang pihak ketiga	subperaturan (2) dan (8) dan perenggan (7)(j)
Pendapatan ketidakupayaan seorang pihak ketiga	subperaturan (2) dan (8) dan perenggan (7)(k)
Perbelanjaan perubatan seorang pihak ketiga	subperaturan (2) dan (8) dan perenggan (7)(l)

Dibuat 12 Januari 2011
[PIDM/PN/2/2010; PN(PU²)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 21 Januari 2011
[KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(PROTECTED BENEFITS) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 69(2) and section 209 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits) Regulations 2011**.

(2) These Regulations shall be deemed to have come into operation on 31 December 2010.

Interpretation

2. In these Regulations, “qualified person” means—

- (a) such individual as defined under section 7 of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*];
- (b) a body, incorporated, established, constituted, formed, registered with or approved by any authority under the laws of Malaysia;
- (c) the Government or any State Government;
- (d) a local authority; or
- (e) embassy, consulate, high commissions, supranational or international organization in Malaysia.

Protected benefits under family solidarity takaful certificates or life insurance policies

3. (1) Subject to the Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits Limit) Order 2011 [*P.U. (A) 27*], the Corporation shall protect the types of takaful or insurance benefits under family solidarity takaful certificates or life insurance policies, including investment-linked and annuity certificates and policies, that are specified in the First Schedule.

(2) A certificate or policy owner may claim protection in respect of any of the takaful or insurance benefits specified in the First Schedule if—

- (a) the certificate or policy is issued in Malaysia by an insurer member;
- (b) the address of the certificate or policy owner is or was an address in Malaysia; and
- (c) the certificate or policy is denominated in Ringgit.

(3) For the avoidance of doubt—

- (a) an investment-linked certificate or policy refers to a contract of takaful or insurance on human life or annuity where the benefits are, wholly or partly, to be determined by reference to the value of, or the income from, property of any description or by reference to fluctuations in, or in an index of, the value of property of any description; and
- (b) the investment portion of an investment-linked family solidarity takaful certificate or life insurance policy is excluded from the takaful and insurance benefits protection system.

Protected benefits under general takaful certificates or general insurance policies

4. (1) The types of takaful or insurance benefits under general takaful certificates or general insurance policies that are specified in column (1) of the Second Schedule are protected by the Corporation up to the corresponding limits specified in Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits Limit) Order 2011, subject to the conditions specified in column (2) of the Second Schedule.

(2) A certificate or policy owner may claim protection in respect of any of the takaful or insurance benefits specified in column (1) of the Second Schedule if at the time of the issuance of the certificate or policy—

- (a) the certificate or policy is issued in Malaysia by an insurer member; and
- (b) the certificate or policy is denominated in Ringgit.

(3) In the case of immovable property, a certificate or policy owner may claim protection in respect of any of the takaful or insurance benefits specified in column (1) of the Second Schedule if the immovable property is located in Malaysia.

(4) In the case of movable property (except a motor vehicle, waterborne vessel or aircraft), a certificate or policy owner who is not a citizen of Malaysia or a qualified person at the time of issuance of the certificate or policy may claim protection in respect of the takaful or insurance benefits specified in column (1) of the Second Schedule if the risk event occurs in Malaysia.

(5) A certificate or policy owner may claim protection in respect of the takaful or insurance benefit specified in column (1) of the Second Schedule relating to indemnification for a loss of or damage to a property of a third party pursuant to a public liability or product liability certificate or policy if—

- (a) the certificate or policy owner is a citizen of Malaysia or a qualified person, at the time of issuance of the certificate or policy; and
- (b) the risk event occurs in Malaysia.

(6) In the case of a motor vehicle that is not registered in Malaysia under Part II of the Road Transport Act 1967 [Act 333] at the time of issuance of the certificate or policy, a certificate or policy owner may—

- (a) claim protection in respect of the loss of or damage to the protected motor vehicle; or
- (b) claim protection in respect of indemnification for the loss of or damage to a property of a third party,

if the risk event occurs in Malaysia.

(7) The certificate or policy owner shall be a citizen of Malaysia or a qualified person at the time of issuance of the certificate or policy to claim protection in respect of the following takaful or insurance benefits specified in column (1) of the Second Schedule:

- (a) death and related benefits;
- (b) permanent disability;
- (c) critical illness;
- (d) disability income;
- (e) medical expenses;
- (f) refundable prepaid contribution or premiums;
- (g) loss of or damage to a waterborne vessel or aircraft;
- (h) death of a third party;
- (i) permanent disability of a third party;
- (j) illness or bodily injury of a third party;
- (k) disability income of a third party;
- (l) medical expenses of a third party; or
- (m) loss of or damage to a property of a third party indemnifiable pursuant to a waterborne vessel or aircraft certificate or policy.

(8) The condition in subregulation (7) does not apply to protection in respect of benefits on death of a third party, permanent disability of a third party, illness or bodily injury of a third party and medical expenses of a third party indemnifiable pursuant to a motor vehicle certificate or policy.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 3]

Types of Takaful or Insurance Benefits

1. Death and related benefits
2. Permanent disability

3. Critical illness
4. Maturity value (excluding the unit portion of investment-linked certificates or policies)
5. Surrender value
6. Accumulated cash dividend
7. Disability income
8. Annuity income
9. Medical expenses
10. Refundable prepaid contribution or premium

SECOND SCHEDULE

[Regulation 4]

<i>Types of Takaful or Insurance Benefits</i> (1)	<i>Conditions</i> (2)
Loss of or damage to immovable property	subregulations (2) and (3)
Loss of or damage to movable property (save and except a motor vehicle, waterborne vessel or aircraft)	subregulations (2) and (4)
Loss of or damage to a property of a third party indemnifiable pursuant to a public liability or product liability certificate or policy	subregulations (2) and (5)
Loss of or damage to a motor vehicle	subregulations (2) and (6)
Loss of or damage to a property of a third party indemnifiable pursuant to a motor vehicle certificate or policy	subregulations (2) and (6)
Loss of or damage to a waterborne vessel or aircraft	subregulation (2) and paragraph (7)(g)
Loss of or damage to a property of a third party indemnifiable pursuant to a waterborne vessel or aircraft certificate or policy	subregulation (2) and paragraph (7)(m)
Death and related benefits	subregulation (2) and paragraph (7)(a)
Permanent disability	subregulation (2) and paragraph (7)(b)
Critical illness	subregulation (2) and paragraph (7)(c)
Disability income	subregulation (2) and paragraph (7)(d)

<i>Types of Takaful or Insurance Benefits</i> (1)	<i>Conditions</i> (2)
Medical expenses	subregulation (2) and paragraph (7)(e)
Refundable prepaid contribution or premiums	subregulation (2) and paragraph (7)(f)
Death of a third party	subregulations (2) and (8) and paragraph (7)(h)
Permanent disability of a third party	subregulations (2) and (8) and paragraph (7)(i)
Illness or bodily injury of a third party	subregulations (2) and (8) and paragraph (7)(j)
Disability income of a third party	subregulations (2) and (8) and paragraph (7)(k)
Medical expenses of a third party	subregulations (2) and (8) and paragraph (7)(l)

Made 12 January 2011
[PIDM/PN/2/2010; PN(PU²)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 21 January 2011
[KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the
Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]